

Encik Mohammad Shakir Mohd terima ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian dalam Kejuruteraan Bahan, dengan pengkhususan dalam Bahan dan Kemampanan, serta Nanosains dan Nanoteknologi dari Universiti Teknologi Nanyang (NTU) pada 26 Julai. – Foto BH oleh SHAFIQ APANDI



Kesan angin ahmar bukan penghalang tamatkan pengajian, capai impian

► **NUR DHUHA ESOOF**
nurdhuha@sph.com.sg

Perjalanan Encik Mohammad Shakir Mohd menggendong segulung ijazah penuh liku tetapi dilalui dengan sabar dan tabah, dan sedikit kedegilan, demi mencapai kejayaan yang diimpikan.

Beliau mengalami serangan angin ahmar ekoran pendarahan di otak ketika berusia 18 tahun, menjelang peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) Peringkat 'A', yang menjejaskan penglihatan dan keseimbangan badannya.

Setahun kemudian, selepas menjalani pembedahan dan dirawat di hospital selama dua bulan, beliau menduduki peperiksaan GCE peringkat 'A' dan mencapai keputusan yang membolehkannya melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Sepanjang empat tahun di universiti, pelbagai cabaran perlu ditempuhi seperti kesukaran mencari syarikat yang boleh menerimanya bekerja sambil belajar di makmal dengan selamat.

Akhirnya, Encik Mohammad Shakir, 26 tahun, berjaya menamatkan pengajian dan gendong ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dengan Kepujian dalam Kejuruteraan Bahan, dengan pengkhususan dalam Bahan dan Kemampanan, serta Nanosains dan Nanoteknologi.

Tidak ramai pelajar mengambil dua pengkhususan sepertinya – kurang lima penuntut dari Sekolah Kejuruteraan dan Sains Bahan melakukan sedemikian setiap semester.

Anak bongsu dalam keluarga empat beradik itu menerima ijazahnya dalam majlis tamat pengajian pada 26 Julai.

Dalam wawancara bersama Berita Harian, Encik Mohammad Shakir berkata, pendarahan di otaknya berlaku akibat saluran darah yang pecah. Menurut doktor, beliau lahir dengan saluran da-

rah yang lemah yang boleh pecah pada bila-bila masa.

“Disebabkan angin ahmar itu, saya tidak boleh menggerakkan bahagian kiri muka saya.

“Selain itu, apabila saya gunakan komputer, saya perlu gunakan saiz huruf yang lebih besar supaya saya boleh membaca dengan lebih mudah. Ini kerana saya mengalami penglihatan berganda. Ia agak mengelirukan jika saya tidak beri perhatian ketika membaca,” kata Encik Mohammad Shakir.

Serangan angin ahmar juga menyebabkan beliau alami kesukaran imbangi diri ketika berjalan di permukaan yang tidak rata seperti di kawasan berumput.

Namun beliau bebas ke sana sini sendiri, cuma perlu lebih berhati-hati ketika melangkah.

Selesai pengajian di maktab rendah, anak muda itu menjalani perkhidmatan negara walaupun beliau sebenarnya boleh dikecualikan.

Encik Mohammad Shakir kemudian melanjutkan pengajian di NTU dalam bidang kejuruteraan bahan kerana ia paling berkait rapat dengan bidang yang disukainya iaitu kimia.

Beliau menerima banyak sokongan daripada pasukan Pendidikan Boleh Diakses dan Penyertaan Pejabat Hal Ehwal Pelajar NTU.

Pasukan itu membantunya mendapatkan peluang bekerja sambil belajar setelah beberapa syarikat terpaksa menolaknya kerana tidak dapat mengubah sekitaran dan prosedur tempat kerja bagibolehkan beliau bekerja dengan selamat di makmal mereka.

Menyedari yang kerjaya impiannya sebagai pengkaji berasaskan makmal adalah mencabar untuk keadaannya buat masa ini, Encik Mohammad Shakir bersedia menimbang pilihan lain seperti melanjutkan pengajian dalam bidang yang tidak menghendaki kerja makmal dengan matlamat melakukan penulisan akademik selepas itu.